

**SYARAT-SYARAT BAGI PERNIAGAAN EKspo JUALAN SEMPENA HARI RAYA  
AIDILFITRI 2023**

**BERTEMPAT DI DATARAN ALAMANDA,PUSAT BANDAR, PARIT BUNTAR,PERAK  
DAN JALAN SETIA PUSAT BANDAR, BAGAN SERAI, PERAK**

1. **Pemohon adalah warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada yang bermastautin dan pemohon beralamat di Daerah Kerian.

**Pembantu jualan juga adalah terdiri daripada Warganegara Malaysia sahaja.**

2. 1 syarikat dan 1 penama hanya boleh memohon **SEKALI SAHAJA DAN UNTUK SATU LOKASI SAHAJA.**

3. Semua Borang Permohonan hendaklah dihantar ke Kaunter Bersepadu Majlis Daerah Kerian seperti berikut :-

6 Mac 2023 (Isnin) hingga 8 Mac 2023 (Rabu) Tidak lewat daripada 12.00 tengahari.

**\*Perhatian: Semua borang permohonan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bayaran proses RM50.00 bagi setiap permohonan.**

4. Perlu mengemukakan salinan Daftar Perniagaan (SSM) yang berkaitan dengan perniagaan ekspo , gambar pemohon dan salinan Kad Pengenalan.

5. **Satu daftar perniagaan (SSM) sahaja untuk satu penama dikemukakan yang dibenarkan. Penama yang sama untuk daftar perniagaan (SSM) yang lain juga tidak dibenarkan.**

6. **Tapak adalah terhad, pemilihan tapak adalah secara pengundian, atas talian.**

**Tarikh undian akan dimaklumkan.**

7. Tempoh perniagaan adalah bermula **8 APRIL 2023 sehingga 21 APRIL 2023.**
8. Menjelaskan bayaran proses RM 50.00 untuk setiap penyertaan ketika menyerahkan borang permohonan di kaunter pada tarikh yang akan ditetapkan.Bayaran proses tidak akan dikembalikan.
9. Semua peniaga yang berjaya di dalam undian dikehendaki menjelaskan bayaran **RM 1,600.00** (khemah bersaiz 20 kaki x 20 kaki) mengikut tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
10. Lot yang ditawarkan tidak dibenar di sewa atau di pajak kepada peniaga lain. Sekiranya ianya berlaku, Majlis akan membatalkan penyertaan tuan/puan dan tapak tersebut akan di tawarkan kepada peniaga lain serta bayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan. Nama juga akan disenarai hitam oleh pihak Majlis.

11. Pengisian tapak perniagaan akan ditentukan secara cabutan undi dimana semua nombor tapak akan di letakkan pada khemah yang didirikan.
12. Setiap khemah perniagaan hanya dibenarkan memasang lampu sebanyak 15 unit sahaja dimana setiap satu unit mentol lampu berkuasa 25 watt.
13. Peniaga juga adalah tidak dibenar sama sekali menggunakan seterika elektrik, peti ais, penyaman udara atau barang elektrik lain yang boleh menyebabkan gangguan bekalan elektrik.
14. Sebarang pelanggaran syarat bagi perkara 12 dan perkara 13 seperti di atas akan menyebabkan barang tersebut akan di rampas.
15. Waktu perniagaan adalah dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 malam.
16. Kebersihan tapak ekspo hendaklah diberi keutamaan dan tiada sampah sarap yang dibiarkan berselerakan.
17. Dilarang menggantung/menyidai atau menjemur apa-apa pakaian basah di kawasan ekspo.
18. Sebarang bentuk perniagaan yang menyalahi undang-undang adalah dilarang sama sekali di jalankan.
19. Sampah sarap perniagaan hendaklah dimasukkan kedalam karung plastik serta di letakkan di kawasan yang telah ditetapkan sahaja.
20. Tuan/puan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas barang barang perniagaan yang di jalankan. Majlis tidak akan bertanggung jawab di atas segala kehilangan atau kerosakan kepada barang- barang perniagaan tuan/puan.
21. Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap berlakunya sebarang kemalangan awam terhadap peniaga atau pembantu di tapak ekspo sebelum, semasa atau sesudah perniagaan dijalankan.
22. Syarat-syarat lain akan diberitahu kepada semua peniaga dari masa ke semasa dalam tempoh ekspo berlangsung.
22. Semua syarat yang dinyatakan boleh dipinda oleh pihak majlis dari semasa ke semasa
24. Jika berlaku pelanggaran syarat tindakan perundangan boleh diambil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil serta undang-undang lain yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Kerian. Termasuk membatalkan perniagaan.